

Seramai 590 pelajar cemerlang telah menerima Anugerah Mendaki tahun ini dalam majlis yang turut disenaraikan Menteri Bertanggungjawab bagi Ehtwal Masyarakat Islam, Encik Masagos Zulkifli Masagos Mohamad, pada Sabtu lalu. Buat pertama kali juga, anugerah turut diberikan kepada pelajar madrasah bagi peperiksaan peringkat GCE 'A'.

ATIYAH MOHD SAID
 (atiyahm@sph.com.sg)
 mengetengahkan dua penerima yang berprestasi tinggi.

SYABAS SEMUAL! Encik Masagos (kanan) memberikan kata-kata perangsang kepada sebahagian penerima Anugerah Mendaki kali ini. - Foto FACEBOOK MASAGOS ZULKIFLI MASAGOS MOHAMAD



Cemerlang walau berdepan pelbagai cabaran

Usah malu bertanya menjadi pegangan hidup



MENYERILAH: Encik Muhammad Akid menerima Anugerah Khas Mendaki - yang dianugerahkan kepada pelajar yang lulus diploma dengan merit atau keujian - serta Anugerah Pencapaian Khas bagi Kecemerlangan (Akademik) kerana muncul sebagai antara pelajar terbaik bagi kohortnya. - Foto-foto JEREMY KWAN

MALU bertanya sesat di jalan, malu berdayang perahu hanyut. Pepatah Melayu ini dipanggil teguh oleh Encik Muhammad Akid Abdul Rahim dan menjadi amalan-nya di bangku sekolah.

Sebagai pelajar, pendekatannya ialah untuk 'menggali dan mengukli' sedalam mana boleh' kalau ingin meluaskan pengetahuan.

Sikap positif terhadap pembelajaran yang dimiliki Encik Muhammad Akid, 20 tahun, memang terserlah dan ini dicerminkan dalam pencapaian akademiknya.

Lulusan Politeknik Singapura (SP) dalam bidang Pemrograman Antarbangsa itu, telah menerima Anugerah Khas Mendaki - yang di-anugerahkan kepada pelajar yang lulus diploma dengan merit atau keujian - serta Anugerah Pencapaian Khas bagi Kecemerlangan (Akademik) kerana muncul sebagai antara pelajar terbaik bagi kohortnya.

Encik Muhammad Akid bakal melanjutkan pengajiannya di Universiti Pengurusan Singapura (SMU) dalam jurusan Pengurusan Perniagaan selepas menamatkan Perkhidmatan Negara (NS) nanti.

Menurut beliau, keluarga adalah pembakar semangat dalam mencapai kecemerlangan.

"Keluarga khususnya ibu bapa saya telah banyak berkorban untuk memastikan semua keperluan adik-beradik dipenuhi agar kita dapat berjaya.

"Ini mendorong saya supaya melakukan terbaik agar semua pengorbanan mereka tidak sia-sia dan mencapai kejayaan demi mereka," ujar anak bongsu dalam keluarga empat beradik itu.

Dua beradiknya merupakan lulusan universiti manakala seorang lagi adalah mahasiswanya.

Apabila ditanya tentang resipi kejayaan akademiknya, Encik Muhammad Akid - yang berharap menjadi seorang usahawan suatu hari nanti - berkata beliau melatih diri memberi tumpuan 100 peratus di balik kuliah.

"Tetapi tidak cukup dengan itu sahaja, saya akan membuat kajian tambahan dan mendalami sesuatu pelajaran dengan sejauh mungkin.

"Saya juga nasihatkan rakan pelajar agar jangan malu bertanya, sesuatu jawapan tidak akan datang bergolek jika anda berdiam diri sahaja," gesannya.

Beliau juga menyeru golongan pelajar supaya jangan mudah putus asa, meskipun berdepan dengan cabaran.

"Saya nasihatkan rakan pelajar

agar tidak mudah patah semangat. Walaupun kadangkala berdepan dengan cabaran, semuanya ada hikmah," tambahnya.

Semangat tinggi Encik Muhammad Akid juga tidak mudah luntur, meskipun keluarganya diduga dengan berbagai rintangan, termasuk dari segi kewangan.

Menurut beliau, ayahnya yang bekerja dalam industri bisnes telah berdepan dengan ketidaktentuan pelajaran universiti manakala seorang lagi adalah mahasiswanya.

"Satu nilai penting yang saya belajar daripada cabaran kehidupan hari ini ialah betapa pentingnya sikap berjinmat cermat, terutama dalam keadaan ekonomi hari ini.

"Misalnya, papan kekunci komputer riba saya rosak tetapi ia tidak bermakna saya perlu membeli yang baru.

"Walaupun saya perlu membawanya semasa program bekerja sambil belajar ke luar negara selama tujuh minggu, saya tetap juga menggunakannya dan membuat penyesuaian dengan membeli alat papan kekunci luaran (*external keyboard*).

"Pengalaman seperti ini juga mematangkan diri dan menyumbang kepada semangat ingin berjaya dalam diri ini," tambahnya.

Tidak takut hadapi kelemahan sendiri



TETAP LUANGKAN MASA BUAT KERJA KEMASYARAKATAN: Selain mengibangi kerja sekolah dengan masa bersama keluarga, Cik Nur Hikmah turut menyumbangkan tenaga sekali semingggu sebagai mentor kepada pelajar kurang bernasib baik di Masjid Al-Falah sejak tiga tahun lalu.

RAMAI orang mungkin lebih suka mengelak kelemahan mereka, sebaliknya memberi tumpuan kepada kekuatan diri.

Tetapi bagi Cik Nur Hikmah Md Ali, beliau sedar pentingnya untuk berhadapan dengan sesuatu kelemahan terutama jika ingin berjaya dalam pelajaran.

Lantaran itu, semasa menduduki peperiksaan GCE peringkat 'A', pelajar Madrasah Al-Maarif Al-Islamiyah tersebut memanfaatkan setiap masa lapang yang ada untuk berlatih dalam subjeknya yang lemah.

Ini termasuk meluangkan masa dalam perjalanan semasa dalam bas, dengan membuat latihan pemalisan esei khususnya bagi Kertas Am - antara subjeknya yang lemah.

Usaha gigih Cik Nur Hikmah, 19 tahun, membuahkan hasil.

Beliau adalah di antara dua pelajar madrasah paling cemerlang yang menerima Anugerah Mendaki tahun ini yang dianugerahkan buat kali pertama.

Seorang penerima lain ialah Cik Masturah Sulaiman daripada Madrasah Alsagoff Al-Arabiah.

Semasa ditemui, Cik Nur Hikmah, yang kini berada di tahun pertama Universiti Nasional Singapura (NUS) dalam jurusan Sastera dan Sains Sosial, berasa beruntung ke-

rananya menerima sokongan dan motivasi daripada keluarga mahupun teman-teman untuk mencapai yang terbaik dalam pelajaran.

Namun beliau sadar pentingnya untuk memperbaiki kelemahan jika ingin lebih maju dalam pelajaran.

"Strategi saya ialah berdepan dengan kelemahan saya dalam pelajaran," ujarnya.

"Kadangkala pelajar merasakan apabila lemah dalam sesuatu mata pelajaran, mereka akan mengelak daripada bernasib baik peringkat prestasi.

"Saya tahu apa kekuatan saya, justeru saya beri tumpuan pada kelemahan," terang anak sulung dalam keluarga empat beradik itu.

Disebabkan itu, Cik Nur Hikmah tidak putus-putus berlatih dalam penulisan esei - satu bidang di mana beliau agak lemah dan menghasilkan sekurang-kurangnya tiga esei sebulan untuk diperiksa guru.

Berkongsi cabarannya sebagai pelajar, beliau berkata mengibangi kerja sekolah dengan masa untuk bekerja serta masa melakukan kerja sukarelawan bukan mudah.

Cik Nur Hikmah, yang menyumbang tenaga sekali semingggu sebagai mentor kepada pelajar kurang bernasib baik di Masjid Al-Falah sejak tiga tahun lalu, berkata ia memerlukan banyak disiplin.

"Lantaran itu, saya amat menghargai masa kerana ia sungguh bernilai bagi saya.

"Dan saya berusaha untuk tidak membuang masa walau semasa menaiki bas pun," ujarnya yang bercita-cita menjalankan kajian dalam pengajian dan sosiologi Melayu.

Apabila ditanya nasihatnya kepada rakan pelajar lain, Cik Nur Hikmah menyarankan agar pelajar menepatkan apa yang dipelajari dalam kehidupan seharian.

"Saya juga berharap pelajar akan sedar bahawa peranan mereka dalam masyarakat adalah lebih daripada belajar sahaja, tetapi juga menyumbang kepada masyarakat dalam cara mereka tersendiri," tambahnya.

Sementara itu, Cik Nur Hikmah menganggap Anugerah Mendaki yang diterima sesuatu yang sangat berharga kerana ia mengiktiraf pencapaian pelajar madrasah seperti ini.

"Ia mencerminkan sejauh mana pelajar madrasah telah melangkah dan mencapai kemajuan pada hari ini," ujarnya.

Tambahnya, anugerah itu akan meringankan beban kewangan keluarganya - lebih-lebih lagi kini ayahnya adalah pencahara tanggali tunggal setelah ibunya berhenti kerja kerana masalah kesihatan.